



KRITERIA BAGI PERMOHONAN BANTUAN KHAS SARAWAKKU SAYANG (BKSS) 2021
BAGI PENJAJA / PENIAGA KECIL / GERAI MAKANAN YANG TIDAK BERLESEN

1. Pemohon **HENDAKLAH** warga Sarawak yang menetap dan menjalankan perniagaan di Sarawak.
2. Berumur **18 tahun dan ke atas**.
3. Pemohon adalah bagi peniaga-peniaga yang **benar-benar menjalankan aktiviti perniagaan secara fizikal** seperti menjalankan perniagaan menggunakan stall/kiosk/ di bahu jalan sebelum **1 Jun 2021**.
4. **Stall** yang beroperasi di **dalam Kedai Kopi** adalah layak memohon dengan melampirkan dokumen pengesahan berkaitan dengan perniagaan.
5. Perniagaan **ATAS TALIAN (ON-LINE)** adalah tidak layak memohon.
6. Peniaga hendaklah berdaftar dan mempunyai permit daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di kawasan masing-masing.
7. **Tarikh tutup** permohonan adalah pada **30 Jun 2021**.
8. **Tempoh sah permit** adalah dari **bulan Jun 2021 sehingga November 2021, tanpa sebarang bayaran permit (RM30.00) dikenakan** sepanjang tempoh sah ini.
9. Semua maklumat yang diberikan oleh pemohon hendaklah **TEPAT dan BENAR**. Sekiranya terdapat maklumat palsu, permohonan akan dibatalkan. Dan sekiranya permit telah dikeluarkan PBT berhak membatalkan permit tersebut.
10. PBT berhak untuk meluluskan atau menolak permohonan tanpa prejudis dan segala rayuan tidak akan dilayan.
11. Pembayaran untuk BKSS adalah melalui **SarawakPay**

Catatan:-

- a.. Penerima bantuan BKSS untuk penjaja/ Peniaga kecil/ gerai makanan tidak berlesen pada tahun 2020 tidak perlu mengemukakan permohonan lagi.
- b. Permohonan baru boleh dibuat melalui talian: (<https://community-service.sarawak.gov.my>) atau memuat turun borang di talian (<https://smc.gov.my>).